

**SOALAN DAN LATIHAN: TINGKATAN 4**  
**SET 2: KERTAS 1**

---

- Masyarakat mula hidup menetap dalam kelompok besar
- Menghasilkan alatan batu yang mempunyai pelbagai fungsi

1. Maklumat di atas merujuk kepada kumpulan masyarakat yang hidup dalam Zaman

- A Paleolitik
- B Mesolitik
- C Neolitik
- D Logam

2. Mengapakah petempatan kekal menjadi ciri utama dalam kemunculan tamadun awal?

- A Memudahkan masyarakat membina bandar
- B Membolehkan masyarakat menjalankan kegiatan ekonomi
- C Membawa kepada corak kehidupan yang lebih sistematik
- D Melahirkan masyarakat yang aman dan harmoni

3. Antara berikut yang manakah menjadi pusat sesebuah kota di Mesopotamia?

- A Istana pemerintah
- B Agora
- C Rumah ibadat
- D Pelabuhan

4. Manakah antara berikut berkaitan dengan Epik Gilgamesh?

- I Mengandungi falsafah dan cara hidup orang Mesopotamia
- II Kisah tentang kepahlawanan tokoh yang bernama Gilgamesh
- III Menceritakan tentang pemerintahan, percintaan dan kehidupan kekal abadi
- IV Mengisahkan tentang salasilah raja-raja Mesopotamia

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

- Kerja-kerja perburuhan
- Korban dalam upacara penyembahan
- Tentera paksaan

5. Tugas di atas dilakukan oleh dalam masyarakat Hwang Ho iaitu bagi golongan

- A artisan
- B hamba
- C petani
- D pedagang

- Membawa keamanan dan keagungan di Rom selama 200 tahun
- Zaman kegemilangan ini dikenali sebagai *Pax Romana*

6. Tokoh yang dapat dikaitkan dengan maklumat di atas ialah

- A Augustus Caesar
- B Julius Caesar
- C Raja Philip II
- D Alexander the Great

7. Alexander the Great bukan sahaja terkenal sebagai seorang penakluk berwibawa tetapi juga turut menyebarkan kebudayaan di tanah jajahannya. Kebudayaan yang dimaksudkan itu merujuk kepada kebudayaan

- A Legalisme
- B Harappa
- C Hellenistik
- D Stoicisme

- Sistem demokrasi di Athens

· Sistem demokrasi di Malaysia

8. Apakah perbezaan antara sistem demokrasi yang diamalkan di kedua-dua tempat di atas?

- A Anggota dewan bersidang untuk mengusulkan sesuatu dasar
- B Mesyuarat dijalankan untuk menetapkan sesuatu dasar
- C Undian dibuat untuk melantik pemerintah bagi mentadbir negara
- D Golongan wanita tidak melibatkan diri dalam sistem demokrasi

· Teknologi binaannya berasaskan sistem graviti  
· Binaan paling panjang ialah di Garcia, iaitu 91 km

9. Binaan yang dimaksudkan ialah

- A Agropolis
- B Aqueduct
- C Colloseum
- D Pantheon

10. Susun lapis masyarakat Athens terdiri daripada tiga golongan iaitu golongan warganegara, bukan warganegara dan hamba.

Manakah antara berikut yang menerangkan tentang golongan warganegara?

- A Merupakan golongan majoriti dan bekerja sebagai buruh
- B Berperanan sebagai pemerintah yang berkuasa
- C Mempunyai hak dalam politik negara kota
- D Terdiri daripada golongan tentera dan pedagang

11. Penganut agama Hindu berusaha mencapai *Moksya* kerana mereka

- I akan disatukan dengan Tuhan
- II tidak akan lahir lagi ke dunia
- III dilindungi daripada perbuatan jahat di dunia
- IV dberi kebahagiaan bersama keluarga di dunia

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

Ren  
Li  
Xiao

12. Prinsip di atas boleh dikaitkan dengan ajaran

- A Confucius
- B Legalisme
- C Sun Tzu
- D Taoisme

13. Apakah bukti yang menunjukkan terdapatnya hubungan antara petempatan awal di Asia Tenggara dengan tamadun Rom?

- A Jumpaan artifak gendang gangsa di Vietnam
- B Jumpaan manik di Perak, Johor dan Selatan Thailand
- C Catatan pedagang Asia Tenggara yang berdagang di Rom
- D Wujudnya persamaan seni bina di antara di Asia Tenggara dan Rom

14. Manakah antara berikut merupakan ciri-ciri kerajaan maritim?

- I Kegiatan ekonomi berasaskan perdagangan dan kelautan
- II Terletak di kawasan lembah sungai dan pesisiran pantai
- III Membekalkan hasil pertanian kepada kerajaan agraria
- IV Kemajuannya bergantung kepada kesuburan tanah

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

Salah satu faktor yang menyebabkan kemasyhuran kerajaan Sabak ialah kerana pembinaan Empangan Maarib.

15. Mengapakah empangan tersebut runtuh?

- I Kekurangan bahan binaan
- II Tumpuan diberikan dalam bidang perindustrian
- III Berlakunya banjir besar
- IV Kelalaian pemimpin Sabak untuk membaikinya semula

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

16. Mengapakah orang Arab Quraisy menggelar Nabi Muhammad s.a.w. sebagai al-Amin?

- A Kebijaksanaan baginda membaca dan menulis
- B Baginda berketurunan kaum Quraisy yang ternama
- C Perkataan dan perbuatan baginda sentiasa dipercayai
- D Kebijaksanaan Nabi dalam peristiwa Hajar Aswad

Selepas Perjanjian Aqabah Pertama, Nabi Muhammad s.a.w. telah menghantar Mus'ab bin Umair ke Madinah.

17. Apakah peranan beliau?

- A Menyebarkan Islam di Madinah
- B Menjadi pengintip Nabi di Madinah
- C Dilantik sebagai gabenor di Madinah
- D Memastikan Perjanjian Aqabah dipatuhi

18. Kerajaan Islam Madinah dianggap sebagai model negara Islam terunggul kerana

- A masyarakatnya terdiri daripada berbilang kaum
- B mempunyai perlembagaan bertulis yang lengkap
- C menjadi rujukan kepada orang Arab Quraisy
- D berjaya menguasai semula kota Makkah

19. Setelah orang Islam disekat di Hudaibiyah, Uthman bin Affan dipilih untuk ke Makkah.  
Mengapa?

- I Beliau seorang yang bijak berpidato
- II Beliau mempunyai ramai saudara mara di Makkah
- III Sifatnya yang lemah lembut dan bertolak ansur
- IV Merupakan sahabat yang matang daripada sahabat yang lain

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

20. Orang Quraisy dikatakan mencabuli Perjanjian Hudaibiyah kerana

- A Mereka menyiksa orang Quraisy yang memeluk agama Islam
- B Mereka tidak mahu memeluk Islam seperti yang dijanjikan
- C Telah bekerjasama dengan orang Yahudi di Madinah
- D Memberi sokongan kepada Bani Bakar yang menyerang Bani Khuza'ah

Sebelum wafat, Nabi Muhammad s.a.w. telah meninggalkan pusaka yang tidak menyesatkan umat Islam.

21. Apakah pusaka tersebut?

- I Piagam Madinah
- II Perjanjian Hudaibiyah
- III Al-Quran
- IV Sunnah baginda

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

Abu Bakar al-Siddiq ( Calon orang Muhajirin)  
Saad bin Ubadah ( Calon orang Ansar )

22. Isu perlantikan khalifah tersebut berjaya diselesaikan melalui

- A wasiat Rasulullah
- B musyawarah
- C cadangan daripada pemimpin utama
- D pencalonan sekelompok masyarakat

23. Apakah faktor yang menyebabkan kota Baghdad berjaya menjadi pusat perkembangan ilmu semasa pemerintahan kerajaan Bani Abbasiyah?

- A kegiatan penulisan dan penterjemahan karya asing
- B kedatangan cendekiawan sarjana Barat
- C penglibatan generasi muda
- D penglibatan golongan wanita

24. Berikut ialah cara pertembungan tamadun Islam dengan tamadun lain di dunia?

- I Perdagangan dan perniagaan
- II Peranan golongan bangsawan
- III Penaklukan dan ketenteraan
- IV Intelektual

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

25. Orang Islam yang tinggal di kawasan pemerintahan orang Kristian dikenali sebagai

- A janissari
- B mawali
- C mudejar
- D zimmi

26. Apakah bukti yang menunjukkan bahawa Islam datang ke Asia Tenggara melalui Tanah Arab?

- I Catatan China menyatakan bahawa orang Arab dan Parsi mempunyai pusat perdagangan di Canton, China.
- II Kebanyakan kitab agama yang dikarang dalam bahasa Melayu di peringkat awal gaya penulisan Arab
- III Penemuan batu nisan Malik al-Salih di Pasai yang mempunyai ciri buatan Arab
- IV Menurut catatan China, terdapat perkampungan Islam di Sumatera Utara pada tahun 650 Masihi

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

27. Makam Naina Hisham al-Din (yang meninggal dunia pada 1420 M) yang ditemui di Pasai menunjukkan ada pengaruh seni Islam dari

- A Arab
- B China
- C India
- D Parsi

Maulana Abu Bakar  
Maulana Sadar Jahan  
Makhdum Saiyid Abdul Aziz

28. Apakah persamaan tokoh-tokoh yang disenarai di atas?

- A Penasihat agama kepada sultan
- B Merangka sistem pendidikan Islam
- C Menyebarkan Islam di kawasan pedalaman
- D Menulis kitab agama

29. Bagaimanakah unsur moral diterapkan dalam pendidikan tidak formal di kalangan masyarakat Melayu?

- I Melalui cerita lisan
  - II Melalui pergaulan sosial
  - III Ilmu tasauf
  - IV Sekolah pondok
- A I dan II
  - B II dan III
  - C III dan IV
  - D I dan IV

Sebelum kedatangan Islam, motif ukiran adalah berdasarkan binatang seperti seperti burung, ayam dan sebagainya. Bagaimanapun motif ukiran telah berubah selepas kedatangan Islam.

30. Apakah motif ukiran selepas kedatangan Islam?

- I Tumbuh-tumbuhan
  - II Bunga-bunga
  - III Geometri
  - IV Kaabah
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C I, III dan IV
  - D II, III dan IV

31. Kemerosotan tamadun Rom menandakan benua Eropah berada dalam Zaman Gelap.  
Mengapa?

- A Pengaruh gereja semakin kuat dalam masyarakat Eropah
- B Mereka menghadapi tahap kurang maju berbanding zaman sebelumnya
- C Tidak terdapat sistem pendidikan yang maju di Eropah
- D Kehidupan masyarakat Eropah yang berpindah-randah

32. Masyarakat Eropah menganggap amalan *indulgences* sebagai satu bentuk penyelewengan.

Apakah yang dimaksudkan dengan *indulgences*?

- A Menjual surat kebenaran untuk menjalankan kegiatan perdagangan secara sulit
- B Menjual sijil yang membebaskan rakyat daripada membayar cukai
- C Menjual surat yang mengiktiraf seseorang menjadi paderi
- D Menjual surat yang dikatakan boleh mengampunkan dosa

Dua kuasa Eropah telah menandatangani *Perjanjian Tordesillas* pada tahun 1494 yang bertujuan untuk mengelakkan persaingan merebut tanah jajahan.

33. Pihak yang terlibat ialah

- I Itali
- II Jerman
- III Portugal
- IV Sepanyol

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

Goa  
Macao

34. Penjajah manakah yang menguasai kedua-dua kawasan di atas?

- A Belanda
- B Inggeris
- C Portugal
- D Sepanyol

35. Manakah antara berikut berkaitan penemuan baru dalam Revolusi Pertanian?

- I Sistem tanaman bergilir
- II Jethro Tull
- III Spinning Jenny
- IV Water Frame

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

36. Akta Kilang telah digubal pada tahun 1833.  
Apakah perkara-perkara yang terkandung dalam akta tersebut

- I Larangan terhadap kanak-kanak dan wanita bekerja di lombong arang batu
- II Kanak-kanak di bawah sembilan tahun dilarang bekerja
- III Kanak-kanak yang bekerja mestilah tidak melebihi sembilan jam
- IV Para majikan dikehendaki memastikan keselamatan pekerja mereka di kilang

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

37. Apakah faktor utama yang mencetuskan Revolusi Pertanian yang bermula di Britain?

- A Akta Pemagaran Tanah
- B Akta Sepuluh Jam
- C Pengenalan Sistem Penggiliran Tanaman
- D Bermulanya Revolusi Perindustrian

38. Manakah antara berikut merupakan ciri-ciri ekonomi sara diri di kalangan masyarakat Melayu tradisional?

- I Penggunaan teknologi yang mudah
- II Wujudnya pengkhususan kerja yang jelas
- III Pengeluaran berskala besar
- IV Jumlah buruh yang terhad

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

Majikan akan membiayai tambang imigran ke Tanah Melayu dan sebagai balasannya buruh tersebut akan bekerja dengannya untuk jangka masa tertentu dengan bayaran yang paling minimum iaitu antara sembilan sen hingga 13 sen sehari.

39. Maklumat di atas berkaitan kemasukan buruh dari India ke Tanah Melayu melalui cara

- A sistem buruh bebas
- B sistem kontrak
- C sistem kangani
- D sistem tiket kredit

40. Apakah tujuan pihak British memperkenalkan Enakmen Pendaftaran Sekolah pada tahun 1920?

- A Menyekat pengaruh komunis di sekolah Cina
- B Menyekat bilangan sekolah Cina
- C Menyekat bilangan sekolah Tamil
- D Mengukuhkan kedudukan sekolah Inggeris

KERTAS SOALAN TAMAT

Jawapan Kertas 1 Peperiksaan Akhir Tahun 2005

1. C
2. C
3. C
4. A
5. B
6. A
7. C
8. D
9. B
10. C
11. A
12. A
13. B
14. A
15. C
16. C
17. A
18. B
19. D
20. D
21. C
22. B
23. A
24. C
25. C
26. B
27. D
28. A
29. A
30. A
31. B
32. D
33. C
34. C
35. A
36. B
37. A
38. D
38. B
40. A